**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

DOKTOR HAJI MOHD ZAIN BIN HAJI MAHMOOD

PENSYARAH DAN PENCERAMAH

OLEH:


| | |
|---|---|
| NORLIDAWATIE BT KAMARUZAMAN | 2011777163 |
| NUR NABILAH BINTI MOHAMAD NADZRI | 2011956739 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

# DOKTOR HAJI MOHD ZAIN BIN HAJI MAHMOOD

# PENSYARAH DAN PENCERAMAH

OLEH:

NORLIDAWATIE BT KAMARUZAMAN 2011777163

NUR NABILAH BINTI MOHAMAD NADZRI 2011956739

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Alhamdullilah syukur kami ke hadrat Ilahi Tuhan yang Maha Esa yang telah menciptakan langit dan bumi serta sekalian isinya yang telah memperkenankan dan mempermudahkan kami melaksanakan dan menyiapkan projek sejarah lisan iaitu subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604) ini dalam waktu yang ditetapkan dengan hasil yang dapat dipersembahkan sekarang.

Buat pensyarah kami Puan Nor Kamariah Binti Chik yang sentiasa dekat di hati kami, yang sentiasa mempunyai masa dan memberikan ruang kepada pihak kami untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar tentang apa itu sejarah lisan dan bagaimana melaksanakannya dengan berjaya dan berkesan. Segala tunjuk ajar, nasihat, teguran, perkongsian pengalaman dan ilmu yang telah diberikan akan sentiasa memenuhi ruang minda kami, tanpa tunjuk ajar dan bimbingan secara berterusan tidak mungkin projek ini dapat dihasilkan dengan berjaya. Terima kasih Puan Nor Kamariah Binti Chik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada tokoh pilihan kami iaitu Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood yang telah sanggup meluangkan masa, meluahkan rasa, menyatakan pendapat dan pandangan serta berkongsikan segala macam pengalaman pahit dan manis sepanjang beliau terlibat dengan bidang agama dan pengajaran. Segala jasa dan sumbangan dari Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood tidak akan pihak kami lupakan dan akan sentiasa hidup di dalam sanubari dan ingatan kami sekalian. Walaupun hanya sekejap masa yang diluangkan bersama ketulusan dan keikhlasan dalam menjayakan rakaman ini tersangatlah menyentuh perasaan pemikiran kami. Terima kasih Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood.

Kepada semua ahli keluarga kami terutama ayah, ibu dan adik-beradik yang dicintai dan dikasihi terima kasih kerana sudi menghadiahkan kesabaran sepanjang pihak kami sibuk menjalankan tugasan ini. Segala pengorbanan dan kesabaran dari anda semua akan terpahat di sanubari ini. Terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|


Penghargaan........................................................................................ i

Isi Kandungan........................................................................................ iv

Abstrak........................................................................................ vi

Biodata Tokoh........................................................................................ viii

Pengenalan........................................................................................ x

Transkrip

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh........................................................ 02

Bahagian 2: Kerjaya........................................................................ 29

Bahagian 3: Sumbangan........................................................................ 45

Bahagian 4: Harapan........................................................................ 54

Rujukan........................................................................................ 69

Lampiran

Log Wawancara........................................................................ 72

Senarai soalan........................................................................ 79

Surat Perjanjian........................................................................ 88

Gambar........................................................................................ 89

Index........................................................................................ 92

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Tujuan utama pendokumentasian lisan ini dilakukan adalah untuk menjilidkan secara langsung mengenai tokoh yang berjaya di Malaysia. Dalam melaksanakan tugasan ini, sebuah temubual telah diadakan bagi mengenali dengan lebih mendalam salah seorang tokoh agama, Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood yang merupakan seorang pensyarah di KIAS sekarang. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan oleh pihak kami, beliau telah menceritakan segala pengalaman beliau sepanjang beliau berkecimpung sebagai seorang pensyarah dan penceramah dalam bidang agama sama ada di Malaysia dan luar negara.*

**Kata kunci:** Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood, agama, penceramah, KIAS

# BIODATA TOKOH

## BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| Nama | : Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood |
| Tarikh Lahir | : 18 Disember 1954 |
| Alamat | : Kampung Paloh, Tendong Pasir Mas, Kelantan |
| Asal | : Kampung Paloh, Tendong Pasir Mas, Kelantan |
| Bangsa | : Melayu |
| Kerjaya | : Pensyarah |
| Status | : Berkahwin |
| | Seorang isteri dan 6 cahaya mata (2 lelaki dan 4 perempuan) |
| Keluarga | : Anak ketiga daripada empat oranga adik beradik. |
| Pendidikan | : PhD dalam bidang Linguistics (Nahu Perbandingan) di Universiti Iskandariah, Mesir. |

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Temubual bagi pendokumentasian lisan ini telah dijalankan pada 21 April 2014 di bilik bacaan kediaman Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood. Temubual selama satu jam empat puluh lapan minit dan dua puluh tujuh saat ini diadakan bagi mengenali dan mendalami cara hidup serta kejayaan yang telah diperolehi oleh Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood dalam bidang keagamaan.

Anak kelahiran Pasir Mas Kelantan ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tendong, Pasir Mas. Kemudian beliau melanjutkan pengajian ke Sekolah Menengah Arab Pasir Mas Kelantan dimana beliau menduduki peperiksaan SRP pada tahun 1971. Manakala di Sekolah Menengah Ugama Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan beliau menduduki peperiksaan SRU (1972), SPM (1973), SMU (1974), STP (1975). Beliau juga pernah menuntut di Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas, Kelantan dan seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Kuwait pada tahun 1980, mengambil M.Phil Pengajian Arab, di Universiti St. Andrews, Scotland. Beliau telah berjaya menamatkan pengajian ke peringkat tertinggi iaitu peringkat Phd dan telah mendapat First Class Honours dalam bidang Linguistics (Nahu Perbandingan) di Universiti Iskandariah, Mesir pada tahun 1994.

Pada tahun 1981, beliau pernah dilantik sebagai Pegawai Tadbir di Kementerian Wakaf Kuwait. Pada tahun berikutnya tahun 1982, beliau menjadi Guru Bahasa Arab, Sekolah Menengah Arab Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan dan dilantik sebagai Guru Kanan Bahasa Arab dan Badan Penerbitan Sekolah. Beliau juga bekerja sebagai Pensyarah ITM, Shah Alam pada tahun 1983. Beliau pernah berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1984 hingga 1996. Pada tahun 1984 hinggan 1987, beliau menjadi Tutor Bahasa Arab

di Pusat Bahasa UIA dan seterusnya menjadi Pensyarah Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Arab, UIA pada tahun 1988 hingga 1993. Pada tahun 1994 hingga 2005 beliau dilantik sebagai Penolong Professor, Jabatan Bahasa Arab, KIRK& HS, UIA. Beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertama bagi Persatuan Bahasa Arab Malaysia, jawatan sebagai Koordinator Program Berkembar UIA –MP tahun 1995 hingga 1996, sebagai penyelia Thesis M.A di UIA, pemeriksa Luar Thesis M.A dan Phd Universiti Malaya, pemeriksa Luar Thesis M.A Universiti Kaherah Mesir. Pada tahun 1999, beliau telah dihantar ke Universiti Brunei Darussalam dan berkhidmat di sana sebagai Pensyarah Kanan Universiti. Pada tahun 2008 hingga 2011, beliau dilantik sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2010 – 2011 beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA Negara Brunei Darussalam dan pernah menjadi ahli Senat di universiti tersebut. Pada tahun 2012, beliau kembali berkhidmat di negeri beliau sendiri, Kelantan dan menjadi pensyarah di sebuah kolej, KIAS.

Antara khidmat masyarakat yang telah disumbangkan beliau adalah beliau pernah menjadi AJK Kerja Seminar "The International seminar on Tobacco – or – Health" di Negara Brunei Darussalam padat tahun 2002. Pernah menjadi penceramah Ugama Rampai Pagi di TV Brunei Darussalam. Telah memegang amanah sebagai pemudah acara bagi Program Halaqah Fikir anjuran Institut Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, juga acara bagi Projek Belia Cemerlang Masyarakat Penyayang, anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, serta acara bagi Kursus "Menghalusi Kefahaman Ugama Islam bagi Pegawai-pegawai Kanan, Pentadbir dan Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Beliau pernah juga mengendalikan kelas ugama dan Al-Quran bagi Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik di Istana Nurul Iman, Negara Brunei Darussalam.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood iaitu seorang tokoh agama yang cukup dikenali dan disegani oleh masyarakat. Rakaman ini telah dijalankan pada 21 April 2014 di bilik bacaan kediaman beliau. Temubual selama satu jam empat puluh lapan minit dan dua puluh tujuh saat ini diadakan bagi mengenali dan mendalami cara hidup serta kejayaan yang telah diperolehi oleh Doktor Haji Mohd Zain Bin Haji Mahmood dalam bidang keagamaan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DHMZ: Doktor Haji Mohd Zain

N: Norlidawatie

NN: Nur Nabilah

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

N : **Bismillahhirahmanirahim, Assalamualaikum wbt. Pada pagi ini saya Norlidawatie Binti Kamaruzaman bersama rakan setugas saya, Nur Nabilah Binti Mohamad Nadzri akan menemubual seorang tokoh pilihan kami iaitu Professor Doktor Haji Mohd Zain Bin Mahmood yang bertempat di kediaman beliau di Kampung Tendong Pasir Mas Kelantan.**

DHMZ : Satu, *abe* [abang] Zain tidak professor. Pernah menjadi penolong professor, *assistant professor* [penolong professor].

**N : Kita akan mulakan tentang latar belakang *abe* [abang] Zain dulu ya? Apakah nama sebenar *abe* [abang] Zain?**

DHMZ : Nama sebenar *abe* [abang] Zain ialah Mohd Zain Bin Mahmood

**N : Nama panggilan *abe* [abang] Zain dekat kalangan_dikampung?**

DHMZ : Dikampung *abe* [abang] Zain sahaja.

**N : *Abe* [abang] Zain sahaja. Di pejabat pun samalah?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] di universiti doktor lah, biasalah doktor Zain.

**N : Umur *abe* [abang] Zain sekarang dan---**

DHMZ : Tarikh lahir *lapan belas hari bulan dua belas sembilan belas lima puluh empat* [18 12 1954]_masuk *enam puluh* [60].

**N : Umur sekarang *enam puluh* [60] lah?**

DHMZ : Masuk *enam puluh* [60] lah, bulan *dua belas* [12] nanti.

**N : Dimanakah *abe* [abang] Zain dilahirkan dan berasal daripada mana?**

DHMZ : Lahir disini, di Kampung Paloh Tendong, Pasir Mas Kelantan dan itulah kampung yang *abe* [abang] Zain duduk *ni* [ini] lah, kampung yang orang panggil tempat tumpah darah-orang tua pun sini.

N : **Dimanakah *abe* [abang] Zain mendapat pendidikan awal?**

DHMZ : Mula-mula sekali di sekolah tadi lah Sekolah Kebangsaan Tendong, kemudian ayah dan mak macam *bernazar* [berniat] lah sebab dia *tak* [tidak] ramai anak *empat* [4] orang. Dia kata kalau dapat anak *laki-laki* [lelaki] *ni* [ini] yang *tiga* [3] *ni* [ini] dia *nak [hendak]* hantar *pondok* [tempat belajar agama]. Jadi *abe* [abang] Zain *lepah* [lepas] pada Sekolah Tendong *ni* [ini] terus dihantar ke Pondok Lubuk Tapah Pasir Mas Kelantan. *Muloh* [arwah] Haji Lah *ni* [ini] kenal? Jadi, duduklah pondok disamping *tu* [itu] *abe* [Abang] Zain belajar sekolah arab di sebelah petang, Sekolah Arab Pasir Mas, dulu Sekolah Menengah Arab Pasir Mas, sekarang *ni* [ini] Sekolah Maahad Muhammadi Pasir Mas. Dari situ *abe* [abang] Zain belajar dan dapat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]---nantilah dalam biodata *tu* [itu] ada. Kemudian *abe* [abang] Zain teruskan melanjutkan pelajaran ke *Maahad Muhammadi* [sekolah arab di Kelantan]. Dari Maahad Muhammadi dipilih untuk melanjutkan pelajaran peringkat *bachelor* [ijazah]_*BA* [ijazah sarjana muda] peringkat sekaranglah peringkat adik-adik dekat *Kuwait University* [universiti di asia barat Saudi Arabia], *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia] ya perasan *tak* [tidak] di Kuwait di dekat Saudi Arabia _ *Kuwait University* [Universiti Kuwait] kemudian balik bertugas sebagai guru Bahasa Arab di Maahad Muhammadi. Kemudian di *Kota Bharu* [ibu kota Kelantan]. Kemudian setahun selepas tu [itu] setahun setengah lah berpindah ke *ITM* [Institut Teknologi Mara] Shah Alam sebagai pensyarah bahagian Tamadun

Islam. Tamadun Islam *ni* [ini] sebab pelajaran wajib pada pelajar kan? Tak tahu sekarang macam mana. Kemudian apabila *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dibuka pada tahun *lapan puluh tiga* [83] *abe* [abang] Zain dipanggil untuk mengajar sebagai Guru Bahasa di Pusat Bahasa Arab di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Penubuhan *lapan puluh tiga* [83] tu [itu] mula-mula tubuh *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Kemudian *abe* [abang] Zain diminta untuk menyambung pelajaran ke peringkat *Master* [sarjana] *kat* [dekat] Scotland, England dalam bidang Bahasa _ Pengajaran Bahasa kepada _ _ sebagai bahasa asing, Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. Balik selepas dapat *Master* [sarjana] terus bertugas di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] lagi dan situ dilantik sebagai *Assistant Professor* [Penolong Professor] dan sebagainya. Kemudian dihantar lagi untuk melanjutkan pelajaran ke *PhD* [Doktor Falsafah] di *Mesir* [negara di bahagian timur laut Afrika] dan disitu abang Zain 3 tahun_ _ _sebagai doktor falsafah kelas *First Class Honors* [Kepujian Kelas Pertama] disitu, di Mesir. Kemudian balik terus bertugas di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] lagi pada tahun hujung *sembilan puluh sembilan* [99] *abe* [abang] Zain dipinjamkan ke Brunei Darussalam masa *tu* [itu] sebab Brunei kekurangan bidang Bahasa Arab, abang pun *applied* [mohon] *Linguistik* [ilmu bahasa] Arab_ _ _*applied* [mohon] Linguistik Bahasa Arab Terapan ya orang panggil terapan. Dipinjam ke sana sebagai Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Kesusasteraan. Disana sampai hujung *dua ribu sebelas* [2011] duduk di sana kemudian balik *kat* [dekat] sini terus dan_*abe* [abang] Zain terpaksa *pencen*

[bersara] awal dengan *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] disebabkan *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] balik, anak sekolah lagi dan macam-macam lah. Kemudian pada tahun akhir *dua ribu sebelas* [2011], disebabkan keadaan memaksa ibu *abe* [abang] Zain *dah* [sudah] tua sakit dan dia minta *abe* [abang] Zain baliklah. Abang Zain balik duduk seminggu dua *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] *tu* [itu] panggil, *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] duduk di *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] setahun, kemudian Abang Zain minta *tak* [tidak] sambung. Sengaja *tak* [tidak] sambung *tu* [itu] sebabkan *mok* [emak] lah *payoh* [susah] nampak. Baru *ni* [ini] dalam dua tiga bulan lepas Pensyarah UIA ditimpa sakit _ Pensyarah UIA, Pensyarah *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] ditimpa sakit, *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] panggil lagi membantu dia sampai sekarang masih lagi di *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan]. Itu dari segi ape? Dari segi pengajian, pendidikan.

N : **Kelulusan akademik abang Zain setakat *PhD* [Doktor Falsafah] lah?**

DHMZ : Ha *PhD* [Doktor Falsafah]

N : **Pada umur berapakah abang Zain mula mendirikan rumah tangga?**

DHMZ : Rumah tangga balik daripada Kuwait *lapan puluh* [80]-habis Kuwait *lapan puluh dua* [82]

**N : *Lapan puluh dua* [82]. Apakah nama isteri abang Zain?**

DHMZ : Puan Norizan Binti Jaafar

**N : Umur dia?**

DHMZ : Umur sekarang *lima puluh tiga* [53]

**N : Adakah dia bekerja?**

DHMZ : Dia tidak. Dia lulusan Ekonomi Universiti Malaya pada tahun berapa lupa. Tapi masa *tu* [itu] abang Zain sibuk menyambung pelajaran *kat* [dekat] Scotland,balik. Jadi anak-anak pun Allah rezeki kan hampir tiap-tiap tahun la dapat anak. Jadi baik *tak* [tidak] usah kerja lah duduk di rumah sampai sekarang

**N : Isteri Abang Zain berasal daripada Kelantan juga?**

DHMZ : Sini juga

**N : Daripada Kelantan?**

DHMZ : Dekat rumah

**N : Nama ibu bapa Abang Zain?**

DHMZ : Ayah Haji Mahmood Bin Ismail, dia seorang peladang biasalah orang kampung. Mak nya Wan Halimah Binti Wan Yahya, suri rumahtangga

N : **Kalau *tak* [tidak] keberatan boleh *tak* [tidak] abang Zain ceritakan sedikit tentang ibu bapa tentang latar belakang *dia orang* [mereka]?**

DHMZ : Ibu bapa sebelah ayah dulu *yakni* [iaitu] *Almarhum* [arwah] Haji Mahmood dulu dia dari sudut dia ada *sembilan* [9] adik beradik, dia satu-satunya anak sulung laki-laki. Anak sulung laki-laki yang lain semua perempuan. Jadi masa *tu* [itu] sistem pendidikan bagi orang kampung apabila terlampau disayangi sampai *nak* [hendak] hantar sekolah pun sayang. Jadi sekadar darjah *enam* [6] saja dia belajar sekolah. Jadi hiduplah dia sebagai petani biasa macam orang kampung lain dan mak juga anak sulung daripada berapa-*lapan* [8] kalau *tak* [tidak] silap adik beradik dia dan dia dan ayah *ni* [ini] kiranya ada hubung kait keluarga lah

N : **Adakah mereka tinggal bersama Abang Zain?**

DHMZ : Dulu dia rumah dia lah tapi setelah *abe* [abang] Zain apa *ni* [ini] telah dipinjamkan ke Brunei, *abe* [abang] Zain buat rumah *ni* [ini] lah untuk supaya dia duduk sini jaga rumah dan dekat jalan kaki ke masjid. Dulu naik basikal jadi apabila buat rumah dia duduk sini dan dia boleh berjalan ke masjid beribadat kemudian dalam *lima* [5] tahun lepas ayah meninggal dan mak pun dijaga oleh kakak. Kemudian *abe* [abang] Zain balik abang Zain jaga dia lah sekarang duduk dirumah *ni* [ini] cuma *sari* [sehari] dua *ni* [ini] kakak buat balik sebab abang Zain baru balik daripada *KL* [Kuala Lumpur] dan juga Terengganu ada urusan

N : **Bilangan adik beradik Abang Zain?**

DHMZ : Adik beradik *empat* [4] saja, yang sulung Haji Mohd Daud Imam kampung, yang kedua suri rumah dan dia isteri kepada penghulu kampung *ni* [ini] dan yang ketiga *abe* [abang] Zain lah, yang keempat bongsu duduk di Kota Bharu bersama suami dia

N : **Jadi *tak* [tidak] ada adik beradik yang tinggal bersama abang Zain lah?**

DHMZ : Tidak ada, yang ada cuma mak seorang sahaja

N : **Semua sudah berumah tangga lah?**

DHMZ : Sudah berumah tangga

N : **Abang Zain ada rumah lain ke tempat tinggal lain ke selain di Kelantan?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] di *KL* [Kuala Lumpur] adalah sebuah rumah tempat singgahan orang panggil

N : **Boleh *tak* [tidak] kalau abang Zain ceritakan tentang perkenalan abang Zain dengan isteri abang Zain dahulu?**

DHMZ : *Abe* [abang] Zain orang yang_ _ _jadi pergaulan wanita apa *ni* [ini] kawan-kawan wanita *tu* [itu] terhad sangat sampai kahwin pun serahkan pada emak dan ayah yang mencari. Jadi apabila Abang Zain habis di *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia] tahun *lapan puluh* [80], abang Zain diminta untuk

bertugas sebagai pegawai tadbir. Pegawai tadbir di Kementerian Agama di Kuwait, jadi setahun apabila ayah dengan mak dengan nampak macam *nak* [hendak] *duk* [duduk] lama di *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia] *tu* [itu] atau pun dia bimbang takut-takut sangkut disana dia panggil balik, abang Zain minta cuti dengan Pegawai Tadbir sana, sampai dirumah rupanya sudah di urus. Masa *tu* [itu] Kak Zan baru tahun *tiga* [3] akhir Universiti Malaya *tiga* [3] tahun saja. Maka kami pun berkahwinlah yang Kak Zan dah tahun akhir. Jadi kalau kisah cari jodoh *tu* [itu] tidak- - -jadi apabila balik-balik *tu* [itu] bukan pengalaman orang *tu* [itu] kadang-kadang pergi cari orang tunjuk situ kalau *tak* [tidak] jadi_*dua* [2] *tiga* [3] orang baru jadi. Abang Zain *tak* [tidak] *da* [ada] cerita *tu* [itu], balik-balik inilah- - -jadi *tak* [tidak] panjanglah karangan (ketawa)

N : **Bilangan anak Abang Zain?**

DHMZ : *Enam* [6], tadilah yang pertama-(gangguan bunyi) yang *ni* [ini] yang diberi kepada siapa yang letak abang Zain di tempat Negeri Kelantan *tu* [itu]? Bila orang yang minta ini yang diberinya. Jadi dalam *ni* [ini] ada semua anak abang Zain- - -. Jadi nama anak yang mula-mula Jamil Sobri, dia sudah habis. Kemudian *ni* [ini] ada latar belakang dia belajar di mana anak-anak. Kemudian yang kedua Nurul Iman yang buat *Master* [sarjana] sekarang yang minggu depan *nak* [hendak] bersalin, yang sulung pun sudah dapat anak, yang di Saudi Arabia pun bulan depan. Jadi tahun *ni* [ini] tahun sambut cucu (ketawa) dan yang apa *ni* [ini] yang ketiga Nurul Hidayah sedang buat sarjana *Master*

[sarjana] Jurusan Al-Quran di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], yang keempat Nurul Jannah, *hafizah* [gelaran penghafal Al-Quran bagi wanita] juga selaku anak keempat menuntut Matrik dalam bidang Sains Kesihatan Bersekutu, dia ambil bahagian mata dan Rabiah apa *ni* [ini] dia sedang belajar Ekonomi disana dan yang akhir Muhammad yang sedang menunggu tempat-tempat *nak* [hendak] belajar selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], mungkin ke *Jordan* [sebuah negara yang terletak di Asia Barat]

N : **(Gangguan bunyi) Berapa orang anak Abang Zain yang sudah berkahwin?**

DHMZ : Sudah berkahwin *tiga* [3], *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3] (gangguan bunyi)

N : **Bilangan cucu?**

DHMZ : Cucu baru *sorang* [seorang] lah yang anak sulung *tu* [itu] tapi akan datang *dua* [2] lagi lah

N : **Bagaimanakah cara abang Zain mendidik anak-anak?**

DHMZ : Ya, anak apabila kita bercakap tentang mendidik ini satu benda yang amat serius dalam kehidupan Nabi Muhammad ya sebab itu kewajipan kalau kita berjaya itulah kalau kita gagal kegagalan akan sampai ke akhirat nanti. Jadi *abe* [abang] Zain pertama sekali semuanya bergantung kepada taufiq dan hidayah. Asas utama ialah kita sebagai contoh sebab budak-budak *ni* [ini] kitalah tempat dia

tengok segala-galanya ya. *Kalu* [kalau] kita merokok dia pun merokok, kalau kita itu semua sekali, kalau kita solat dia pun solat. Dengan itu mula-mula sekali ialah asas didikan agama itu amat penting, beritahulah pada generasi akan datang itu amat-amat penting. Sebab kita berada dalam situasi yang amat serius sekarang *ni* [ini], anak cucu macam-macam kita tengok sekarang *ni* [ini]. Dengan itu pertama sekali dia kalau kita *nak* [hendak]- - -ni [ini] *abe* [abang] Zain *nak* [hendak] panggil apa adik-adik ke, anak-anak ke adik-adik ke? Kadang-kadang kita baca tentang pendidikan mengikut sistem Barat apabila budak *tu* [itu] besar barulah difikir macam mana *nak* [hendak] apa *ni* [ini] nak disusun pendidikan tadika dan sebagainya dan sebenarnya pendidikan dalam Islam, dia bermula daripada awal lagi masa mak kita lagi *nak* [hendak] kahwin dengan ayah kita dulu. Semasa dia mengandung mak-mak kita *tu* [itu] mesti pilih apa *ni* [ini] mak dan ayah kita, ayah dan mak kita mesti pilih yang ada agama sebab generasi terus generasi yang akan lahir dengan agama itu penuh berkat. Maka kita tengoklah masa *nak* [hendak] bersetubuh pun ada doanya, itu pendidikan lah *tu* [itu], kita *takde* [tiada] lagi *tuh* [itu], kita anak *ni* [ini] *takde* [tiada] lagi tapi ayah dan mak kita *ni* [ini] dah mula pendidikan. *Nak* [hendak] beritahu *tak* [tidak] sama dengan Barat. Masa mak kita sedang mengandung, mak kita *tak* [tidak] boleh bercakap kotor-kotor sebab apabila anak dalam perut itu *dah* [sudah] mula tangkap *vocabulary* [tatabahasa] daripada luar pada perut ibu. Kan kita tengok kan budak *dua* [2] tahun dah fasih bercakap *tu* [itu]. Kita *tak* [tidak] hantar ke Pusat Bahasa Melayu *tak* [tidak] salah *nahu* [tatabahasa]

tapi dia dengar *hok* [yang] mak dia *duk* [duduk] bercakap dalam kandungan *tu* [itu] dia simpan dalam memori dia, nama dia, apa dia panggil- - -lupa abang Zain tempat simpan memori, *broker area* [tempat simpan memori dalam otak manusia], broker area ya tempat simpan *vocabulary* [tatabahasa]. Dengan itu baca *Al-Quran* [kitab umat Islam], sembahyang, zikir masa ibu mengandung itu penting untuk melahirkan anak-anak yang stabil emosi dan sebagainya. Itu pendidikan dan tidak ada ditulis oleh sistem Barat, kita yang ada ya dan apabila *nak* [hendak] lahir anak, keluar saja anak belum lagi dibasuh *tu* [itu] azan di telinga dan qamat di telinga kiri itu pendidikan. Bila pun dia besar maka diutamakan susu ibu daripada susu kambing, susu lembu dan sebagainya dan semua *tu* [itu] adalah pendidikan ya, kasih sayang anak kepada ibu semasa didakap oleh ibu semasa *bui* [beri] susu *dua* [2] tahun berturut-turut (bacaan dalam bahasa Arab)kenapa *abe* [abang] Zain itu, takut-takut generasi baru *ni* [ini] memang sibuk bekerja nanti sebagai ibu pun dia bekerja, takut-takut dia terabai dalam sudut yang amat penting. Kita pergi cari rezeki kita letak anak di *orang Indonesia* [pembantu rumah] yang *tak* [tidak] tahu *benda* [apa-apa] misalnya, maka anak kita sekejap jadi masalah. Itulah *nak* [hendak] bercakap tentang pendidikan. Kemudian apabila dia besar sikit boleh bercakap, ajarkan dia doa makan dan minum sebagainya daripada *kecik* [kecil] lagi dan disitu keperluan seorang suri sebagai isteri *fulltime* [sepenuh masa] dia buat dengan anak-anak. Maksudnya kalau *tak* [tidak] dapat *fulltime* [sepenuh masa] pun tapi walaupun dia duduk pejabat, kepala dia dan ingatan dia kepada anak nanti

jangan lupa sangat penting. Masuk saja *tujuh* [7] tahun terus kita suruh dia sembahyang dan hafal ayat-ayat *Quran* [Al-Quran] yang kecil-kecil sebab itu adalah asas kepada kesuburan jiwa dia jangan lupa ya (gangguan bunyi). Kemudian besar kita hantar ke sekolah, sekolah itu tempat bagi akademik, sekolah *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] lihat perkembangan jiwa dia, rumahlah- - -sebab apabila selesainya insan yang baru lahir itu dan besar selesai dirumah akan selesailah di_ . Sekarang *ni* [ini] kita tengok budak-budak yang *tak* [tidak] selesai di rumah. Ibu bapanya sibuk dan sebagainya, akhirnya di jalan raya dia potong kabel, disekolah dia tendang itu, dia_itu dan semua sekali. Sebenarnya bukan silap sekolah tapi silap ibu_. Itu dari segi pendidikan maknanya dari awal lagi agama penting. Pastikan *Quran* [Al-Quran], *dia* [merujuk kepada Al-Quran] ada *tiga belas* [13] konsep sebelum budak *ni* [ini] anak-anak *ni* [ini] *baligh* [matang] kena kita bagi *tiga belas* [13]. Jangan lupa ada *satu* [1] kitab di dalam *library* [perpustakaan] abang Zain *ni* [ini] yang dikarang oleh *Asya'rawi* [pengarang kitab], dia kata jangan terlambat *tiga belas* [13] perkara ini nanti apabila dia *baligh* [matang] nanti kita *tak* [tidak] bagi *tiga belas* [13] perkara *ni* [ini] dia akan mendatangkan masalah. Satunya tanamkan rasa cinta dan kasih kepada Allah dan Rasul masa dia *kecik* [kecil] lagi, yang kedua ajar dia solat pada *kecik* [kecil] lagi, ajar Al-Quran dan ajar apa *ni* [ini] doa makan dan minum dan sebagainya dan cari kawan yang terbaik untuk dia, jangan lepas dia berkawan dengan kawan yang tidak kita pilih atau pun tidak kita jaga dengan siapa *ni* [ini] kawan *ni* [ini] dan ajak dia kepada majlis ilmu

daripada kecil lagi . Imam Al-Asqolani, seorang ulamak tokoh yang perkenankan dan Ibnu Hajar Al-Asqolani lah, ayah dia alim, masa dia kecik *tu* [itu] kadang-kadang kencing pun atas masjid *tu* [itu] terpaksa ayah dia basuh, ayah dia bawa ketika dia pergi mendengar *alim ulamak* [orang yang berpengetahuan dalam hal agama Islam] mengajar, dia bawa anak dia Ibnu Hajar, dia letak atas *ni* [ini] atas riba daripada awal sampai akhir apa dalam hati dia doa pada anak kecil, anak *duk* [duduk] *glepa* [meragam] *takpe* [tidak apa] lah. Dia kata jadikan anakku seperti itu seperti orang yang mengajar *tu*[itu] dan lebih daripadanya. Kemana dia pergi itulah doanya. Maka akhirnya naik sebagai seorang alim terbesar_Ibnu Hajar. Jadi doa ibu bapa itu asas pendidikan kalau kita bercakap tentang pendidikan

N : **Berapa ramai anak-anak abang Zain yang tinggal serumah dengan abang Zain?**

DHMZ : Sekarang *ni* [ini] belum lagi lah, masing-masing macam yang sulung itu dia bertugas di *Gua Musang* [nama sebuah daerah di negeri Kelantan], dia sewa sanalah dan yang keduanya masih lagi apa nama *ni* [ini] yang kedua Nurul Iman masih *duk* [duduk] buat *Master* [sarjana] *tak* [tidak] siap lagi dan suami masih buat *PhD* [Doktor Falsafah] dekat *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] juga, jadi berpindah randah itu masih ada, sekali *KL* [Kuala Lumpur] jadi *tak* [tidak] duduk diam_*tak* [tidak] duduk diam sama, duduk rumah sewa kadang-kadang Kuala Lumpur, mertua sana sini. Yang ketiga rumah tangga pun duduk di *Saudi*

[Arab Saudi], yang kecil *tiga* [3] lagi *tu* [itu] banyak *duduk* [tinggal] di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] lah dan yang kecil sekali Muhammad pun samalah

N : **Bagaimana abang Zain menghabiskan masa dengan keluarga?**

DHMZ : Masa perlu disusun kalau kita sibuk dengan kerja saja pun maknanya perlu susun diantara benda-benda yang penting didalam kehidupan ialah agama memberitahu solat berjemaah sekali kena ada walaupun sibuk macam mana pun. Kita- - -abe [abang] Zain walaupun sibuk sekarang *ni* [ini] bila balik *tak* [tidak] sangka pun bila balik *tak* [tidak] sibuk dah, apabila *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] panggil, siang hari sibuk dengan *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] dan macam-macam lah mengajar imam-imam Jajahan *Pasir Mas* [nama sebuah daerah di negeri Kelantan], *Rantau Panjang* [nama sebuah daerah di negeri Kelantan], *Pejabat Kadi* [pejabat agama]. Itu pun ambil masa dan sekarang *ni* [ini] abang Zain dilantik sebagai *Fellow* [ahli badan ilmiah] Institut Pemikiran Tok Guru, *tu* [itu] pun sibuk juga, orang kampung dan sebagainya. Tapi jangan jadikan kesibukan diluar rumah itu sampai tergadai kepentingan kerukunan rumah dan agama menyusun *mu* [kamu] dengan isterimu ada hak, *mu* [kamu] dengan anak-anakmu ada hak, *mu* [kamu] dengan dirimu sendiri ada hak, *mu* [kamu] dengan Allah ada hak, *mu* [kamu] dengan macam-macamlah. Jadi keluarga amat penting terutama sekarang. Sekarang *ni* [ini] kalau kita kata anak kita- - -anak

saya *takde* [tiada] masalah,*tak* [tidak] keluar rumah pun tapi dalam biliknya apa dia tengok? Kita bagi *laptop* [komputer riba], kita bagi *ni* [ini, merujuk kepada telefon bimbit] yang mahal-mahal, *kalu* [kalau] kita tidak bagi jari itu beriman dia *picit* [tekan] benda lain. Tahu *tak* [tidak] *picit* [tekan]?(gangguan bunyi) dia *petik* [tekan] benda lain yang keluar benda-benda yang- - -. Jadi dengan itu perlu ada satu malam Jumaat kita jadikan malam keluarga. *Bilik inilah* [merujuk kepada perpustakaan] tempat kita berkumpul kalau anak balik semua, kalau dulu ada semua sekarang *ni* [ini] *hak* [yang] mana ada sajalah. Membaca Yasin dari Maghrib sampai Isyak dan kita *bertazkirah* [memberi kefahaman tentang agama], kalau yang sulung balik bagi tazkirah pada adik-adik kecil. Itu amat-amat penting dan *kalu* [kalau] sibuk macam mana pun dalam *satu* [1] hari mesti makan dengan keluarga. Katakanlah malam atau pun siang hari *tak* [tidak] sempat. *Tak* [tidak] makan dengan keluarga itu satu benda nampak selekeh *je* [sahaja], nampak *simple* [mudah] *tak* [tidak] makan dengan keluarga, tapi itu asas kepada_. Jadi bagi masa kepada anak, kepada keluarga dan sebagainya. Tidak mestinya kita bagi kemewahan kepada anak *tu* [itu] segala-galanya akan datang kepada anak dan kadang-kadang rosak *tu* [itu] pun ada. Jadi dengan itu pembahagian masa perlu untuk kebahagiaan dan juga *nak* [hendak] duduk dengan anak-anak yang semakin hari semakin besar dan kita *nak* [hendak] tengok juga hala tuju pelajaran dia, yang *ni* [ini] kita *nak* [hendak] arah kemana, yang *ni* [ini] kemana, yang *ni* [ini] *nak* [hendak] tuju kemana dan sebagainya. Menantu ustaz yang sedang buat *PhD* [Doktor Falsafah] ustaz *follow up*

[susulan] sampai dia macam mana, misalnya yang anak *tu* [itu] buat *Master* [sarjana] *abe* [abang] Zain tengok walaupun sekarang mungkin *dua* [2] *tiga* [3] hari lagi nak [hendak] apa *ni* [ini] *nak* [hendak] bersalin, tapi abang Zain pastikan sebelum bersalin mesti habis *tesis* [karya ilimiah pelajar universiti]. Habis, *tu* [itu] atas meja *tu* [itu] dia suruh tengok ayat dia dan sebagainya. Jadi sebab *kalu* [kalau] *dah* [sudah] bersalin *empat puluh* [40] hari *takleh* [tidak boleh] buat apa, bererti masa itu pun sampai anak yang sudah besar pun kita mesti *follow up* [susulan] selagi dia anak kita. Jadi kalau *enti* [awak] tanya tentang masalah kekeluargaan begitulah kita kena buat dan *abe* [abang] Zain bagi bukan untuk itu, bukan untuk kajian tapi bakal jadi ibu-ibu *ni* [ini] nanti dan *enti* [awak] ingat *enti* [awak] *ni* [ini] duduk dalam dunia yang penuh dengan- - -tidak macam *abe* [abang] Zain kecil dulu sekarang *ni* [ini]. Jadi anak-anak *masa* [semasa] abang Zain kecil dulu mak Abang Zain *tak* [tidak] sibuk sangat dengan_gejala *tak* [tidak] banyak, *takdok* [tiada] pun. Sekarang *ni* [ini] abang Zain *duk* [duduk] *pondok* [tempat belajar agama] *tu* [itu] Tok Guru *Lubuk Tapah* [nama tempat belajar agama] kata kita masa *tu* [itu] budak-budak nakal. Masa dia *duk* [duduk] *merepek* [membebel] kita dia kata budak-budak *ni* [ini] masa aku kecil dulu ayah dan mak aku boleh pakai *dua* [2] mata pun *tak* [tidak] apa dah jaga anak-anak *ni* [ini]. *Mu* [kamu] *loni* [sekarang] *dua* [2] mata *dua* [2] *butir* [biji] mata pun tak cukup lagi, kena *empat* [4] butir [biji] mata masa *tu* [itu]. *Kalu* [kalau] *loni* [sekarang] *empat* [4] *butir* [biji] mata *tak* [tidak] cukup lagi, maksud abang Zain fahamkan? Bererti *nak* [hendak] tengok dalam *internet*

[rangkaian komputer] dia ada apa, dia *download* [muat turun] apa benda kena *check* [semak] masa dia *takde* [tiada], dalam *laptop* [komputer riba] dia apa benda ada, masa dia *takde* [tiada] dia pergi sekolah ke kita *check* [semak] semula takut-takut dia *download* [muat turun] benda-benda yang kita---mungkin dia berdrama depan kita, *warak* [alim] ke dalam bilik dia lain. Semua *tu* [itu] tanggungjawab sebagai seorang---. Jadi susun masa bukan *nak* [hendak] rehat bersama keluarga bukan---tapi ia adalah benda yang menentukan kebahagiaan kita sebab anak *ni* [ini] *nak* [hendak] tumpang sampai ke akhirat nanti. Jadi apabila *enti* [awak] tanya macam mana cara *nak* [hendak] bahagi masa bererti kita ikut agama suruh. Janganlah sampai sibuk *tak* [tidak] sempat *nak* [hendak] berjemaah dengan anak-anak, *nak* [hendak] bertazkirah, *nak* [hendak] baca Yasin. Jangan *tak* [tidak] makan *satu* [1] hari sekali dengan anak-anak. Jangan biarkan aku di restoran *tu* [itu]_ _ _ _ _. Anak sulung di restoran *tu* [itu], minggu-minggu *gitu* [begitu], itu *tak* [tidak] tercapai hasrat agama sebab disana *nak* [hendak] pastikan yang bongsu *ni* [ini] pandai *tak* [tidak] baca doa makan dan sebagainya

N : **Jika *tak* [tidak] keberatan boleh *tak* [tidak] kalau abang Zain menceritakan serba sedikit tentang zaman kanak-kanak abang Zain dulu?**

DHMZ : Ya,mungkin ini adakah sekadar pengalaman hidup, kalau jadi *nak* [hendak] jadikan *ni* [ini] sebagai tulisan, kalau *tak* [tidak] masuk pun *takpe* [tidak apa] ini pengalaman orang panggil Allah bagi masing-masing. *Abe* [Abang] Zain biasa

diajak ke sekolah-sekolah bermotivasi, sekolah biasa, *PIBG* [Persatuan ibu Bapa dan Guru] *je* [sahaja] kalau ada *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] dengan ibu bapa dan anak dekat *nak* [hendak]_. *Abe* [abang] Zain sebut tentang latar belakang kecil abang Zain dulu sebab supaya anak-anak kita yang moden ini insaf sikit sebab *dia orang* [mereka] senang. Tapi *abe* [abang] Zain ditakdirkan Allah Subhannawata'ala sebagai orang apa *ni* [ini] daripada keluarga miskin, ibu bapalah. Ibu bapa yang miskin, apabila abang Zain besar, abang Zain *nak* [hendak] ambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], *nak* [hendak] ambil *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] masa *tu* [itu] *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] dia panggil dan ambil sijil Arab lagi, semua abang Zain bayar sendiri daripada *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] lagi dengan cara mana? Dengan kita ambil upah *cedung* [bersawah] tahu *dok* [tak] *cedung* [bersawah] padi *ni* [ini], ambil upah *cedung* [bersawah], jual aiskrim, jual tapai. Semua *tu* [itu] kerja siang malam masa kita *nak* [hendak] bantu ibu bapa, masa cuti sekolah misalnya *abe* [abang] Zain buat nota kecil-kecil *kalu* [kalau] *nak* [hendak] *periksa* [peperiksaan], kita sekolah Arab *ni* [ini] tiap-tiap tahun *periksa* [peperiksaan], *start* [mula] pada tingkatan *empat* [4], tingkatan *lima* [5], tingkatan *enam* [6], *enam* [6] bawah, *enam* [6] atas semua *tu* [itu] *periksa* [peperiksaan] *belaka* [semua]. *Abe* [abang] Zain buat nota *abe* [abang] Zain *bubuh* [letak] dalam plastik letak dalam *kilas* [lipatan] *kalu* [kalau] musim hujan takut basah. Apabila *serek* [berhenti] hujan, berhenti hujan Abang Zain duduk bawah pokok kelapa baca nota yang ringkas itu untuk *nak* [hendak] *periksa*

[peperiksaan], orang tua dia *tak* [tidak] tahu kita *nak* [hendak] *periksa* [peperiksaan], dia tahu suruh *kije* [kerja] *jah* [sahaja]. Tapi berkat dengan ujian Allah itu, abang Zain tiap kali *periksa* [peperiksaan] bukan *nak* [hendak] puji dirilah dapat *top* [teratas] sehingga *dua* [2] orang sahaja yang dipilih ke *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia], Kementerian Pendidikan yang pilih daripada Kerajaan Kuwait dapat *dua* [2] biasiswa untuk ambil Bahasa Arab. Seorang lagi ada di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], dia sebagai tugas Dekan Bahagian Urusan Luar, Hubungan Luar *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] kerana dia Arab_ Professor Doktor Abdul Rahman Chik, itu sekali turun tangga *tu* [itu] *nak* [hendak] pergi *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia]. Akhir sekali jadi besan, rapat sangat yang duduk *Saudi* [Arab Saudi] *tu* [itu] anak dia lah. Jadi dengan apa *ni* [ini] apa *ni* [ini] semangat yang Allah bantulah kita sebab *kalu* [kalau] kita *tak* [tidak] lulus sebab *tu* [itu] kita *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] bayar sekolah swasta, *Kadir Adabi* [nama sebuah sekolah di Kelantan] dan sebagainya *tu* [itu]. Akhirnya, ustaz sendiri yang berhempas pulas berdoa kepada Allah Subhannawata'ala. Tapi ustaz dapat abah dan ummi yang dia tidak orang akademik *tak* [tidak] reti pun kalau sekolah-sekolah. Tapi *abe* [abang] Zain apabila dapat *PhD* [Doktor Falsafah] *ni* [ini] abang Zain balik dia sedia seekor lembu sembelih, panggil orang kampung. Dia *tak* [tidak] tahu *PhD* [Doktor Falsafah] *ni* [ini] *gapo* [apa] *benda* (ketawa). Kita cakap *PhD* [doktor Falsafah] *mok* [mak] PhD *ni* [ini] *takdok* [tiada] lah sijil *hok* [yang] tinggi sekali, oh *gitu* [begitu] *ko* [kah]? (ketawa). Sembelih lembu seekor

*abe* [abang] Zain sampai *dumoh* [rumah] sijil *Master* [sarjana] abang Zain, *B.A* [ijazah sarjana muda], *Master* [sarjana], *PhD* [Doktor Falsafah]. PhD dapat *First Class* [kelas pertama] *Honors* [kepujian], dalam majlis meraikan kejayaan anaknya itu, abang Zain serahkan semua sijil kepada abah dan ummi sebab kata ini bukan sijil *ambo* [saya], *ambo* [saya] *jong* [hanya] *ngaji* [belajar] *jah* [sahaja] tapi abang Zain panggil *cik* [ayah] dan *mok* [mak]. Mok dan cik professor dalam mendidik *ambo* [saya], terkejut dia dan ini adalah sijil *mok* [mak] dan abah _ cik. Dia ambil letak atas riba (ketawa). Jadi akhir sekali disaat dapat biasiswa ke Kuwait *tu* [itu] disitulah kita nampak nikmat. *Kalu* [kalau] dulu *abe* [abang] Zain seorang anak miskin, *kalu* [kalau] hari raya orang lain *gi* [pergi] masjid pakai pakaian hari raya, kita pakaian sekolah sebab *mok* [mak] *gi* [pergi] beli supaya boleh buat sekolah, kata aku *ni* [ini] *nak* [hendak] *gi* [pergi] raya ke *nak* [hendak] *gi* [pergi] sekolah (ketawa). *Takpe* [tidak apa] biarkan, itu kita kata biarkan walaupun ada sepupu-sepupu buat *nganying* [ejek], *mu* [kamu] *ni* [ini] *nak* [hendak] *gi* [pergi] sekolah ke *nak* [hendak] *gi* [pergi] raya? Kata aku dua-dua sekali dan apabila dapat habis *kat* [dekat] Kuwait *tu* [itu] rasa nikmat dan dapat biasiswa Kuwait *tu* [itu] mahal. Kita dapat mewah dan cerita belajar di *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia] nampaknya di antara negara yang termewahlah bagi pelajar terima biasiswa tiap tahun boleh balik, elaun pakaian dan semua sekali. Baru *abe* [abang] Zain duduk hari ini berkat kesabaran, berkat taat kepada kedua ibu bapa. Sibuk macam mana sekali pun sekolah tapi bantu orang tua pelihara lembu lagi, pelihara kambing,*nukul*

[tumbuk] padi, *cerut* [potong] padi, macam-macam. Abang Zain pergi sekolah abang Zain beritahu kepada budak-budak, adik-adik rugi sangatlah, abang Zain dulu *nak* [hendak] belajar sangat *nak* [hendak] baca, tapi *nak* [hendak] beli buku pun *tak* [tidak] boleh kerana ambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] dulu nak ambil dia panggil Kertas Am, wajib tuh, *kalu* [kalau] *tak* [tidak] lulus Kertas Am *tu* [itu] *tak* [tidak] lulus lah *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] *tu* [itu]. Tapi kita kena beli *Dewan Bahasa* [kamus]. *Dewan Bahasa* [kamus] masa *tu* [itu] kan *lapan puluh* [80] sen. *Lapan puluh* [80] sen *tu* [itu] kalau kita upah ambil *cedung* [tanam] mungkin *sepuluh* [10] gunting baru boleh *lapan puluh* [80] sen kerana *nak* [hendak] beli *Dewan Bahasa* [kamus]. *Dewan Masyarakat* [nama buku], itu perjuangan_jadi adik-adik mungkin *tak* [tidak] lalu langsung jalan *tu* [itu], jalan senang. Itu *enti* [awak] tanya apa tadi? Pengalaman (gangguan bunyi) kecil-kecil dulu sampai ke boleh pergi kepada- - -ayah dan mak *ni* [ini] kita panggil *cik* [ayah] dia *strict* [tegas] dalam bahagian agama, itu kita terima kasih sebab *tu* [itu] kita budak-budak *ni* [ini] kita *tak* [tidak] tahu, sebab kita budak kan kita- - -alah budak *nak* [hendak] main, solat jemaah wajib bagi dia. *Ni* [ini] cerita *abe* [abang] Zain *deh* [ya] kita kena ambil itu *pengiktibaran* [pengajaran], abang Zain pun *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buat macam yang ayah buat pada anak-anak kita sendiri, sembahyang jemaah itu wajib. Satu kali *abe* [abang] Zain lewat sembahyang jemaah dengan dia sebab *gi* [pergi] main *anak spila* [ikan laga] (bunyi telefon) *ikan spila* [ikan laga] *hok* [yang] *blago-blago* [laga-laga] *tu* [itu] lewat dan dia tunggu *takdok* [tiada]

seorang dan adik beradik lain ada, balik *tu* [itu] mandi-mandi cepat boleh rakaat akhir *je* [sahaja], dia pun *assalamualaikum* [memberi salam dalam solat] dia pun tengok. Tengah makan nasi, abah *ni* [ini] dia tidak bercakap banyak tapi manusia paling baik, semua orang kampung kata, adik-adik beradik pun sampai Tok Imam kata aku *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] tiru *muloh* [arwah] *cik* [ayah] *ni* [ini] *lagu mana* [macam mana] senyumnya, baiknya, tegasnya. Dia kata *gi* [pergi] *mano* [mana] *sakni* [tadi]? *Duk* [duduk] *tengah* [sedang] makan nasi kita tidak dibenarkan berbohong, *gi* [pergi] main *anak spila* [ikan laga] *cik* [ayah]. *Pahtu* [selepas itu] *anak spila* [ikan laga] dengan sembahyang mana mahal? *Tak* [tidak] boleh jawab kita. *Pahtu* [selepas itu] masa jawab *tu* [itu] tidak serius ada sengeh-sengeh suka sikit. *Sini* [merujuk kepada pipi], hampir macam tak sedar kan, kaki ni tersentak habis kuah-kuah *ni* [ini] tumpah. Ini lepas makan, tapi sekali *tu* [itu] dia *tak* [tidak] buat dan *tak* [tidak] pernah pun bagi, rupa-rupanya *tarbiyah* [bimbingan] dan pendidikan sekali *tu* [itu] kita ambil pengajaran sampai ke bila-bila. Sehinggakan berubah kita nya dia *tak* [tidak] naik atas rumah lagi- - -*mugo* [sebab] dia kerja padang kan dia sibuk dengan *galo* [membajak] dia tapi kita dah hampar dah sejadah dia, setelah kena *nampar* [tampar] *sakni* [tadi] (ketawa). Jadi, ayah dan ummi, mak dulu *strict* [tegas] *kalu* [kalau] bab agama. *Abe* [abang] Zain habis *Quran* [Al-Quran] dengan mak *tiga* [3] kali, itu baru darjah *empat* [4]. Darjah *empat* [4] sekolah Melayu dah habis_ _ _. Malam bangun pukul *tiga* [3] mesti *mengaji* [membaca Al-Quran], kita apa lah ibu *ni* [ini] orang *nak* [hendak] tidur. *Loni* [sekarang] baru kita tahu ada

harganya_ _sembahyang Subuh serupa dan sebagainya dan kita mengaku kita kadang-kadangnya *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] buat *strict* [tegas] *tu* [itu] dengan anak-anak sekarang. Kita tengok anak-anak balik lewat kerana ada *tuisyen* [kelas tambahan] ke dan sebagainya. Padahal kita lebih pada *tuisyen* [kelas tambahan], kadang-kadang *kalu* [kalau] *nanam* [bertanam] padang *tu* [itu] musim musim bulan cerah kita *jerut* [potong] lagi, dulu tanam tembakau *gapo* [apa] kan._ maknanya, kesimpulannya kerana ketegasan dalam mendidik anak dengan agama menyebabkan kita pun ada *istiqomah* [pegangan]

N : **Boleh abang Zain ceritakan, kongsikan kepada kami pengalaman manis dan pengalaman pahit abang Zain?**

DHMZ : Tadilah, kalau pengalaman *nak* [hendak] kata pahit pun *dah* [sudah] Allah susun *gitu* [begitu] susah. Dalam kehidupan *tu* [itu] bagi setengah orang *tu* [itu] pahit, tapi susah dalam kehidupan memang Nabi sendiri pun sengaja disusahkan oleh Allah, susahkan berniaga, jadi anak yatim piatu, macam-macam. Itu untuk mendidik manusia supaya jadi mengenali hidup. *Kalu* [kalau] *nak* [hendak] kata pahit, pahit jugalah abang Zain *tu* [itu] dan pengalaman yang manis yang terakhir baru *ni* [ini] lah, yang masa abang Zain diisytiharkan sebagai mula-mula dapat *First* Class *Honors* [Kepujian Kelas Pertama] dalam bidang *Nahu* [tatabahasa] Arab di Mesir, Orang Arab pun *tak* [tidak] dapat, *tak* [tiada] *takdok* [tidak ada] lah jadi abang Zain buat dalam *tiga* [3] tahun pun *tu* [itu] pun pecah rekod, jarang orang di Mesir ni buat *tiga* [3] tahun tapi abang Zain boleh buat

*tiga* [3] tahun dengan sibuk dengan anak-anak *dah* [sudah], masa *tu* [itu] *dah* [sudah] *empat* [4] orang anak. Masa *tu* [itu] apabila diisytihar begitu, orang *TV* [televisyen] pun mari_dan orang kata orang Jepun, orang Arab *ni* [ini] dia tengok macam kita *ni* [ini] dia panggil orang Jepun, pendek (ketawa), dia *tak* [tidak] tahu Malaysia mana_ _ _(ketawa) dapat *First Class Honors* [Kepujian Kelas Pertama] ya dia panggil *al martabah asy syarah al ulla* [bahasa Arab] _ _ _. Itu kenangan yang amat manis dan abang Zain, orang lain ketawa kita menangis. Apabila- - -dia ada suka yang menangis? Disitulah kita boleh buat kesimpulan bahawasanya segala sesuatu yang kita *nak* [hendak] capai, kita *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] capai kecuali dengan taufiq dan hidayat kepada Allah Subhannawata'ala dan *redha* [restu] kedua ibu bapa, apabila kita ada masalah telefon lah kepada ibu bapa dan abang Zain apabila kita buat pengajian peringkat *tu* [itu] sudah tentu ada macam-macam masalah, cabaran. Abang Zain sengaja letakkan gambar orang tua kita sebelum pergi letak depan apabila ada masalah kita tengok kepada mak dan ayah kita dan kita berjuang untuk *nak* [hendak] balik bawa kejayaan kepada dia supaya dia suka dan kita *nak* [hendak] *dua* [2] dalam hidup *ni* [ini], *dua* [2] redha kita *nak* [hendak] kalau *nak* [hendak] selamatlah, redha *Rab* [Tuhan] redha Tuhan kita dan redha *walidayt* [ibu bapa], dan kalau kita ada guru redha guru. *Tiga* [3] redha *ni* [ini] adalah penting dalam hidup kita. Pastikan kita rekod baik dengan Allah daripada kecil lagi, itu abang Zain pesan *sokmo* [selalu] kepada budak-budak di sekolah. Jadi jaga rekod baik dengan Allah masa kita muda, masa kita kecil dan Allah jaga kita sampai ke tua

dan *redha* [restu] kedua ibu bapa amat penting dan kalau ada guru redha guru. Tiga-tiga redha *ni* [ini] amat penting anak-anak dalam kehidupan kita. Kalau kita gagal untuk mendapat redha salah *satu* [1] *jah* [sahaja] kita gagal_ _jadi, itulah kalau kita katakan saat manis dan saat susah jual aiskrim, *MasyaAllah* [Allah Maha Agung] kita pendek, hari *ni* [ini] pendek lagi (ketawa) jual aiskrim *tu* [itu] meleret *bocor* [bekas] *bocor* [bekas] aiskrim *tu* [itu] *gini* [begini]_ _. Terus berjuang dapat *empat puluh* [40] sen *je* [sahaja], habis *dua* [2] *tu* [itu, merujuk kepada bekas aiskrim] *empat puluh* [40] sen, simpan suruh mak simpan. Kadang-kadang ambil upah naik kelapa, orang upah_ _(ketawa) orang suruh naik kita naik,_untuk dapat duit dan jual tapai. Apabila abang Zain balik dapat *PhD* [Doktor falsafah] ada di sungai sana di *Tendong* [nama tempat di Kelantan] itu buat majlis kesyukuran, rumah *dua* [2] tingkat. Lepas Subuh abang Zain dijemput, abang Zain tengok atas *loteng* [bahagian atas rumah] *nuh* [itu] orang-orang perempuan pakai kain sembahyang putih macam mayat *duk* [sedang] tengok daripada atas *duk* [sedang] *suka* [ketawa]_orang-orang tua sebab abang Zain *tak* [tidak] pernah duduk kampungkan. Setelah tinggal kampung *tak* [tidak] balik-balik, kerja_di *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia], di Scotland, di Mesir, bekerja di *KL* [Kuala Lumpur] jarang-jarang balik kemudian Brunei *dua belas* [12] tahun baru balik. Balik baru *ni* [ini] orang kata *ni* [ini] *hok* [yang] jual tapai *mulo* [dulu] (ketawa), *hok* [yang] jual tapai dulu *ko* [kah] *ni* [ini]? Jadi dalam kepala masyarakat masih ingat *kejerihan* [kesusahan] abang Zain masa belajar dulu. Itu kalau *nak* [hendak] kata

kepahitan mungkinlah sebab mungkin anak-anak orang lain tidak begitu tapi kita Allah susun begitu untuk mengenal apa itu kehidupan dan boleh jadi Allah kata *mu* [kamu] kalau tengok orang miskin, anak fakir miskin ke, anak yatim *mu* [kamu] kena *berasa* [merasai] *deh* [ya] kasihan sebab *mu* [kamu] *dah* [sudah] lalu *dah* [sudah] macam *tu* [itu].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

N : **Sekarang kita akan teruskan tentang pekerjaan abang Zain ya? Apakah bidang pekerjaan pertama abang Zain sebelum *ni* [ini] ?**

DHMZ : Mula-mula sekali sebagai guru lah, guru Bahasa Arab, guru Bahasa Arab di *Maahad Muhammadi* [sebuah sekolah Arab di Kelantan] *Kota Bharu* [ibu kota negeri Kelantan], kemudian berpindah ke *ITM* [Institut Teknologi Mara] Shah Alam masa *tu* [itu] ya sebagai pensyarah dia panggil pensyarah Bahasa Arab dan Tamadun Islam_Bahasa Arab Tamadun Islam kemudian pergi kepada *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] Pusat Bahasa sebagai *Tutor* [guru yang memberi bimbingan di universiti] Bahasa Arab dan kemudian apabila lepas ambil *Master* [sarjana] dilantik sebagai pensyarah Bahasa Arab, Bahasa dan Kesusasteraan Arab, kemudian apabila balik pergi buat *PhD* [doktor Falsafah] dan balik dilantik sebagai *Assistant Professor* [Penolong Profesor] dalam bahasa bahasa Terapan atau pun Bahasa Gunaan dipanggil *Applied Linguistics* [bahasa gunaan], jadi bagaimana *nak* [hendak] mengajar Bahasa Arab kepada orang yang tidak Arab sebagai bahasa kedua. Itu bidang pekerjaan lah

N : **Setiap jawatan *tu* [itu] berapa lama yang abang Zain pegang?**

DHMZ : Sebab berpindah tempat kan duduk di *ITM* [Institut Teknolgi Mara] *dua* [2] tahun, *Maahad* [sekolah Arab] setahun setengah, kemudian *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] lah apabila pindah ke *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]

sampai *sembilan puluh sembilan* [99] sebagai pensyarah, *assistant professor* [penolong professor]. Kemudian apabila pergi ke Brunei dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan Arab sampai *dua ribu sebelas* [2011]

N : **Abang Zain, kalau pendapat abang Zain selesa bekerja sendiri ke atau pun selesa bekerja dengan orang lain?**

DHMZ : Mengikut bidang, mengikut bidang yang kita ceburi misalnya kalau orang belajar bisnes pasti bekerja sendiri lebih mengaut keuntungan kan? Tapi macam abang Zain *ni* [ini] mengajar bahagian orang kata *direct* [terus] kepada agama, Bahasa Arab dan sebagainya. Jadi *nak* [hendak] bekerja di sesebuah universiti mesti universiti *hok* [yang] orang, kita *tak* [tidak] mampu buat dah. Jadi bidang yang abang Zain ceburi *ni* [ini] terpaksa kita kata bekerja bersama dengan institut pengajian dan bukanlah punya sendiri, tidak sendiri iaitu bagi abang Zain tidak *nak* [hendak] katakan mana lebih baik tapi sebab di universiti lebih luas bidang kita *nak* [hendak] sebarkan (gangguan bunyi) bidang yang kita ada pada kita, kepakaran kata orang yang ada pada kita sebab *tu* [itu] di universiti tempat kita boleh buat *research* [kajian] dan *abe* [abang] Zain ulang sekali lagi universiti sudah tentu hak orang lain *deh* [ya]. *Takpe* [tidak apa] lah sebab bidang *abe* [abang] Zain *gitu* [begitu]

N : **Jadi, pekerjaan abang Zain sekarang adalah pensyarah dekat *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan]?**

DHMZ : Ha, *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] sebagai pensyarah kontrak lah tidak *sign* [tandatangan] kontrak_ _ _

N : **Kiranya pensyarah *tu* [itu] adalah pekerjaan tetap sekaranglah?**

DHMZ : Ya, pekerjaan sekarang adalah pekerjaan pensyarah kontrak di *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] dalam bidang Bahasa dan Kesusateraan Arab juga

N : **Ada pekerjaan sampingan yang lain?**

DHMZ : Sampingan itu macam kerja khidmat masyarakat lah orang panggil misalnya *kalu* [kalau[ disini, dikampung kuliah Maghrib dan kuliah Subuh kita bergilir-gilir, dan *hok* [yang] tetapnya kuliah umum, kita panggil *usrah* [perjumpaan yang melibatkan agama Islam] umum untuk masyarakat. Bukan sahaja kampung *ni* [ini] mari dan sekitar sehinggakan *Pasir Mas* [sebuah daerah di negeri Kelantan] pun mari_ _ _ _pada hari Sabtu. Hari Sabtu kita *start* [mula] pukul *lapan* [8] setengah sampai pukul *sepuluh* [10] setengah *gitu* [begitu] lah dan hari Jumaat kita buat kuliah akidah di kampung sebelah sana untuk umum juga dan di kadang-kadang masjid-masjid *ni* [ini] lah, kadang-kadang Masjid An-Naim *hok* [yang] tetapnya sebulan sekali, Masjid Kota Bharu Muhammadi kadang-kadang dijemput hari-hari dan yang tetapnya di Masjid Kampung Sireh dan

*Pondok* [tempat belajar agama] *Lubuk Tapah* [nama tempat di Kelantan] *tu* [itu] tetap seminggu sekali *nak* [hendak] mengajar kitab untuk budak-budak *ni* [ini]

N : **Pada umur berapakah abang Zain mula menceburi bidang sebagai pensyarah?**

DHMZ : Pensyarah, *start* [mula] *denu* [sana] lah di *UITM* [Universiti Teknolgi Mara]. Masa *tu* [itu] *abe* [abang] Zain umur berapa- - -*dua puluh* [20]_, *UITM* [Universiti Teknologi Mara] *tiga puluh* [30] lah dah selepas kita kahwin sekejap *tiga puluh* [30] *dah* [sudah] *start* [mula], tapi sebelum *tu* [itu] mengajar, guru lah di_

N : **Kenapa abang Zain memilih menjadi pensyarah?**

DHMZ : Ya, kita masa kecil kita *tak* [tidak] reti lagi kan? Tapi apabila kita besar terutama keluar dari universiti negeri Arab, kita *duk* [duduk] terpengaruh dengan aura professor-professor di negeri Arab, dengan ketangkasan dia bercakap, dengan ilmu yang orang Arab *ni* [ini] kalau *dah* [sudah] alim_ _. Kalau bidang dia mengajar *tu* [itu] bidang Bahasa Arab tapi kita tanya *fiqh* [memahami agama] pun boleh jawab dan kita lihat diantara pekerjaan yang paling *top* [teratas] lah_ _ dalam *nak* [hendak] bina umat ini ialah mengajar. *Hok* [yang] lain *tu* [itu] bukan *lekeh*[ rendah] tidak sama *jah* [sahaja], buat bangunan pun kalau dia *tak* [tidak] buat kita *nak* [hendak] duduk macam mana? Dan begitu juga_tapi Allah Subhannawata'ala mengutuskan Nabi kita sebagai *muallim* [guru] sebagai_

_*mu'alliman* [guru], aku di utuskan sebagai seorang_. *Kalu* [kalau] lah apa *ni* [ini] Allah hendakkan benda lain mungkin Allah utuskan Nabi sebagai saintis ke tapi benda *tu* [itu] hal *tu* [itu] hal dunia *tu* [itu] orang lain boleh buat ya, orang tidak Islam pun boleh buat. Tapi mengajar *ni* [ini] adalah satu benda yang amat seni sebab kita bukan *berinteraksi* [berhubung] dengan tangan dengan macam orang lain *deh* [ya] tapi_kita berinteraksi dengan hati manusia. Mengajar *ni* [ini] kan *nak* [hendak] bina insan bukan senang, *nak* [hendak] bina bangunan tinggi tidak sepayah bina seorang manusia. Sebab *tu* [itu] kita tengok bidang guru lah, bidang yang kita kata *profesion* [kerjaya] yang paling tidak mendapat kekayaan (ketawa) kita tengok sejarah pun *gitu* [begitu] lah. Tapi dia apabila keluar sahaja daripada kerja dia, dia pergi pejabat ada orang panggil ustaz atau cikgu (gangguan bunyi)_ramai, apatah lagi kalau kita mengajar agama katakanlah orang yang tersimpang daripada jalan kembali, amat gembira dia dan juga kita

N : **Kiranya ni [ini] salah satu daripada impian abang Zain juga lah?**

DHMZ : Ya, juga impian

N : **Berapa lama *dah* [sudah] abang Zain berkecimpung dalam bidang *ni* [ini]?**

DHMZ : Sejak daripada cuba_abang Zain_balik daripada- - -abang Zain mengajar di Kuwait lagi, mengajar di sekolah *Kuwait* [nama negeri di asia barat Saudi Arabia] lagi. Iaitu *start* [mula] *lapan puluh* [80], tahun *lapan puluh* [80] keluar *tu* [itu] *lapan puluh satu* [81] terus mengajar di Sekolah Menengah Kuwait

sekejap, setahun lebih. *Start* [mula] situ *lapan puluh* [80] sampai sekarang, berapa tahun *tu* [itu]?(gangguan bunyi)

N : **Siapakah idola abang Zain dalam kerjaya *ni* [ini]? Mengajar *ni* [ini]?**

DHMZ : Idola abang Zain (ketawa) ya lah kalau dalam kehidupan Nabi lah kan? Nabi Muhammad, para sahabat_ _letak situ lah. Dalam kehidupan dari segi tok-tok guru *abe* [abang] Zain mengajar dengan seorang tok guru namanya Haji Abdullah Lubuk Tapah dan apabila dia meninggal dunia, majalah *Pengasuh* [nama sebuah majalah] mengatakan terpadamnya sebutir mutiara di Asia Tenggara dan *abe* [abang] Zain banyak mengambil inspirasi kehidupannya daripada dia dari segi penjagaan_keluarga, semua sekali lah. Hidup *kezuhudan* [meninggalkan perkara yang disukai kerana mengharapkan sesuatu perkara yang lebih baik daripada itu] tanpa sedikit pun makan gaji, siang malam sampai dia *wafat* [meninggal], mati terus berjuang menyebarkan agama. Itu idola peringkat kita sini

N : **Kalau mengikut pendapat abang Zain lah kerjaya abang Zain *ni* [ini] membawa keuntungan atau manfaat apa kepada abang Zain?**

DHMZ : Manfaat kita nampak, manfaat yang kita cari *dua* [2] *deh* [ya], *duniawi* [dunia] dan *ukhrawi* [akhirat] sepastinya begitu. *Duniawi* [dunia] *Alhamdullilah* [segala puji hanya untuk Allah] kita dapat hidup sama walaupun *tak* [tidak] seberapa, semacam *ni* [ini] lah, hidup macam orang lain juga, menjaga anak pinak kita

sebagainya. Makan tidak tidak susah, itu berkat ilmu *duniawi* [dunia] kita dan boleh bagi ilmu kepada orang lain sekadar yang kita ada *ni* [ini] dan yang paling penting adalah dengan adanya agama dan kita duduk bersama masyarakat_orang-orang dan sebagainya. Jiwa kita kata semakin tua *ni* [ini] perlu kepada ketenangan. Kita tenang dan sebagainya dan apa *ni* [ini] dengan adanya sedikit sebanyak agama yang kita belajar di bawah bimbingan orang tua kita sendiri, kita rasa macam semakin kita tua *tu* [itu] dengan ilmu kita *ni* [ini] kita terasa macam *nak* [hendak] bina satu kehidupan yang baru dan kekal abadi pula di akhirat nanti. Perasaan itu tidak semestinya disinggah oleh setiap orang, ada lagi orang umur *lapan puluh* [80] pun *duk* [duduk] kejar padang golf pun ada kan? Walaupun itu tidak salah tapi mungkin dengan doa ibu bapa kita dan berkat daripada itu dan itu apabila *enti* [awak] sebut apakah kita *nak* [hendak] capai? Kita *nak* [hendak] capai adalah kebahagiaan didunia kita dan juga di akhirat.(gangguan bunyi)

N : **Abang Zain biasa menerima jemputan untuk memberi ceramah lebih ke sekali dalam satu hari *tu* [itu]?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] mengajar memanglah kita kata *kalu* [kalau] tiap-tiap malam *tu* [itu] kecuali malam Jumaat yang *tak* [tidak] mengajar_ _ _ _ _. Yang banyaknya sekarang ini ialah dan itu abang Zain sengaja suka ke sekolah, motivasi pelajar. Itu amat abang Zain suka sekarang *ni* [ini] *kalu* [kalau] dulu terikat dengan pejabat sebagai Timbalan Dekan kalau di Brunei ambil peranan Dekan lah, kita

*ni* [ini] buat kerja *tak* [tidak] sempat dan abang Zain semasa di Brunei mengajar anak Sultan. Jadi *tu* [itu] semua apa *ni* [ini] terpaksa lah benda-benda *tu* [itu] orang panggil kena formaliti sangatlah, anak Sultan sendiri mengajar di istana dia. Sebelum balik *ni* [ini] abang Zain tengok sikit *dah* [sudah] umur untuk berkhidmat pada masyarakat sendiri dan yang paling abang Zain suka ialah remaja, budak-budak. Di kampung kita susun program macam- - -*pasal* [sebab] kita tengok lain macam *dah* [sudah] sekarang *ni* [ini] kalau orang masing-masing *tak* [tidak] ambil tahu. Sebab *tu* [itu] bagi abang Zain di sekolah walaupun sekolah rendah abang zain pergi sebab ada benda yang kita boleh sumbangkan sekadar yang_*nak* [hendak] beritahu adik-adik *ni* [ini] berada dalam zaman *gini* [begini]. Jadi Abang Zain_ _baru *ni* [ini] abang Zain sampai hampir paling kurang *tiga* [3] kali *empat* [4] kali seminggu ke sekolah-sekolah terutama apabila ada mesyuarat *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] mesti dipanggil untuk beri penerangan kepada ibu bapa sekali dan masyarakat sekarang suka kepada motivasi keibubapaan. *Abe* [abang] Zain ceburlah *tu* [itu]

N : **Pernah menerima jemputan daripada luar negara?**

DHMZ : Dulu adalah, dulu masa kita di universiti kita pun disuruh pergi. Biasa ke negara Arab, *kat* [dekat] Indonesia,_, *Singapore* [Singapura], Thailand, *Philipine* [Filipina] (gangguan bunyi)

N : **Faktor yang mendorong abang Zain untuk menceburi dalam bidang, dalam bidang pengajaran. Faktor dia?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] kita tengok selepas agak berusia, *kalu* [kalau] masa kecil dulu kita ikut *gitu* [begitu] *jah* [sahaja] kan, satunya macam tadi lah_perlu kepada kita bagi sumbangan pada masyarakat dari sudut keilmuan ya, keilmuan apatah lagi bidang-bidang macam abang Zain ceburi *ni* [ini] bidang agama dan bidang seperti Bahasa Arab, abang Zain selalu tempat mengajar, orang kampung sibuk benar dengan belajar sebutan Al-Quran, *tajwid* [memperelokan bacaan Al-quran dengan cara menyebut setiap huruf dengan betul dan tepat]. Kalau kita salah baca pun sibuk. Itu comel dan molek tapi abang zain kata jangan berhenti setakat *ni* [ini] *deh* [ya] sebab Al-Quran itu diturunkan bukan *nak* [hendak] comel baca semata-mata tapi *nak* [hendak] tahu apa dia kandungan, arahan Tuhan kepada kita melalui *kalam* [perintah Allah] dia, dengan itu kena tahu Bahasa Arab, apatah lagi kita tidak Bahasa Arab *ni* [ini] wajib kena baca. Misalnya dalam sembahyang *ni* [ini] *tu* [itu] baca itu baca_ _ _ _*gapo* [apa] Tuhan suruh. Dengan itu, abang Zain belajar Bahasa Arab sekadar lah sekadar kita yang Tuhan bagi abang Zain dapat *PhD* [Doktor Falsafah] dalam *Nahu* [tatabahasa] Arab. Jadi untuk, untuk kita tahu lebih kurang dan kita beri semangat *tak* [tidak]_ _sekolah di kampung *ni* [ini] walaupun orang kampung tapi abang Zain ajar juga Bahasa Arab. Pagi esok pagi lagi di Masjid Paloh *tu* [itu] ada orang dari *Kota Bharu* [ibu kota negeri Kelantan] mari belajar, kita bagi motivasi kena belajar. Mana betulkah kita *ni* [ini] belajar *tajwid*

[memperelokan bacaan Al-quran dengan cara menyebut setiap huruf dengan betul dan tepat] saja tanpa kita tanya *gapo* [apa] *gak* [kah] *Alhamdu* [bahasa Arab] *ni* [ini] *gapo* [apa] dia? Dengan itu belajar Bahasa Arab satu kewajipan, itu pendorong utama. Kalau tidak kita tengok *tu* [itu] *Quran* [Al-Quran] *tu* [itu] *gapo* [apa] *gak* [kah] dalam *tu* [itu]? Dan dia bukan setakat mana? Dengan *nahu* [tatabahasa] nya, dengan retorik dia nya dan sebagainya. Itu pendorong.

N : **Siapa yang selalu memberi sokongan kepada abang Zain?**

DHMZ : Mak dan ayah nombor *satu* [1]. Walaupun mak dia *tak* [tidak] reti baca, setiap kali balik sekolah mesti dia *check* [semak]. Dia kata *bakpo* [kenapa] merah *ni* [ini]? (ketawa). Merah *tu* [itu] salah, *bakpo* [kenapa] pangkah *ni* [ini]? Jadi kita terpaksa buat balik buku jangan ada pangkah, jangan ada merah (ketawa) , yang medorong_.

N : **Adakah abang Zain mempunyai halangan untuk memulakan kerjaya abang Zain sekarang?**

DHMZ : *Alhamdullilah* [segala puji hanya untuk Allah], *takde* [tiada].

N : ***Tak* [tidak] pernah berputus asa dalam kerjaya *ni* [ini]?**

DHMZ : *Takdok* [tiada] (ketawa). Allah pun larang kita putus asa.

N : ***Alhamdullilah* [segala puji hanya untuk Allah], sejauh manakah penglibatan abang Zain dalam institut pendidikan?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] dalam segi pendidikan *kalu* [kalau] di Brunei sebab abang Zain banyak di Brunei *tak* [tidak] sempat *nak* [hendak] balik sini. Sebagai ada tulis dalam *tu* [itu], sebagai Pakar Bahasa Arab dilantik oleh Kementerian Pendidikan Brunei dan kita pun *nak* [hendak] buat sukatan pelajaran Bahasa Arab untuk sekolah. Sekolah peringkat rendah dan juga menengah.

N : **Ada *tak* [tidak] cabaran-cabaran yang abang Zain *tak* [tidak] boleh lupakan dalam kerjaya?**

DHMZ : Ya, cabaran dan masa belajar lah banyak nya, masa kerja *tu* [itu] biasa je [sahaja] semua orang ada cabaran. Masa belajar memang sebab abang Zain cebur dalam bidang *Nahu* [tatabahasa] Arab, macam Orang Putih, Orang Jepun buat Nahu Melayu dan perlu kepada satu *tak* [tidak] tidur malam, lambat dan sebagainya. Tapi itulah diantaranya kunci segala-galanya panduan Allah dan pada kita adalah usaha yang paling gigih untuk memahami segala-galanya. Kalau dikatakan cabaran, *tu* [itu] *je* [sahaja] lah.

N : **Pengalaman yang boleh abang Zain kongsikan kepada kami sepanjang kerjaya abang Zain *ni* [ini]?**

DHMZ : Pengalaman misalnya dalam belajar. Mula-mula belajarlah, *nak* [hendak] belajar *tu* [itu] sifat-sifat sebagai seorang pelajar satunya kena niat *tu* [itu] betul-betul

kerana Allah. Masa belajar *tu* [itu] jangan fikir lagi walaupun kita susah, jangan fikir *nak* [hendak] duit, jangan fikir *nak* [hendak] jadi itu, *nak* [hendak] jadi *ni* [ini], *nak* [hendak] buat rumah banglo ke *nak* [hendak] beli kereta *Marcedez* [jenama kereta], *tak* [tidak] *payah* [usah] itu Allah yang susun. Cari *redha* [restu] Allah dulu dalam buat kerja *ni* [ini] terutama ilmu itu amat penting. Lepas *tu* [itu] *hok* [yang] sampingan *tu* [itu] sesungguhnya dan sebagainya doa, ibadat hubungan dengan Allah *tu* [itu]_dan sebagainya *InsyaAllah* [dengan izin Allah] dalam perjalanan hidup Allah akan permudahkan segala-galanya. Dalam kerja, biasa macam-macam kita kerja *ni* [ini] anggaplah orang yang bersama kita itu adik beradik kita, *teamwork* [kerja berpasukan] *teamwork* [kerja berpasukan] kalau tidak ia jadi- - -sebab kita apabila macam abang Zain di Brunei, dibawah abang Zain hampir *dua puluh* [20] orang Arab sahaja, orang Arab kan *nak* [hendak] berkira dengan orang Arab yang kita *tak* [tidak] kenal *ni* [ini] bukan *satu* [1] benda yang mudah, dalam mesyuarat *nak* [hendak] arah dan sebagainya. Tapi diluar mesyuarat sebelum *ni* [ini] lama *dah* [sudah] kita *ziarah* [lawat] dia, jadikan *ukhwah* [saudara] adik beradik dan sebagainya, kemudian mesyuarat *tu* [itu] kita mudah *nak* [hendak]- - - . Sebab itu kita jalinkan persaudaraan dulu baru kita boleh *tackle* [tawan] hati mereka masa kita *nak* [hendak] arah dan sebagainya.

N : **Adakah abang Zain berpuas hati dengan pencapaian?**

DHMZ : *Alhamdullilah* [segala puji hanya untuk Allah], bersyukur (bunyi telefon) itu bukan hak abang Zain pun. Kalau ada pencapaian sikit-sikit semuanya daripada Allah dan doa daripada ibu bapa.

N : **Adakah abang Zain merasakan kerjaya abang Zain ini dapat membantu generasi muda sekarang?**

DHMZ : *InsyaAllah* [dengan izin Allah], itu harapan walaupun umur *dah* [sudah] dekat dengan umur Nabi *dah* [sudah] *ni* [ini] (ketawa), dekat *enam puluh tiga* [63] itu harapan dan dalam kalau kita sentuh dalam hal kerjaya hidup sebagai seorang insan, apatah lagi sebagai seorang suami dia mesti ada seorang lagi yang menjadi tunggak kejayaan seseorang suami, namanya isteri. Jadi *Kak Zan* [nama isteri abang Zain] dia berkorban *tak* [tidak] bekerja sebagai seorang *graduate* [graduan] *UM* [Universiti Malaya] masa *tu* [itu] dan kawan-kawan dia masa *tu* [itu] *dah* [sudah] berapa tahun jumpa di *airport* [lapangan terbang], Zan *mu* [kamu] kerja apa sekarang *ni* [ini]? Senyap *jah* [sahaja] dia, aku ni pengurus bank gaji aku *dua belas ribu* [12000] masa *tu* [itu]_ _dia kata kita *tiga puluh hari* [30] sebulan (ketawa). Jadi *nak* [hendak] cakapnya kejayaan seorang suami_seorang isteri berada di rumah. Suami berjaya kerana ada isteri *tu* [itu] dan begitu juga isteri punya suami.

N : **Berapa ramai anak abang Zain yang turut berkecimpung dalam kerjaya yang sama dengan abang Zain *ni* [ini]?**

DHMZ : Yang *tiga* [3] *tu* [itu], yang depan yang *tiga* [3] *tu* [itu] semua selari dengan abang Zain cuma anak-anak yang *tiga* [3] belakang *ni* [ini], yang *dua* [2] *tu* [itu] tapi semua *ni* [ini] *hafiz* [penghafal Al-Quran bagi lelaki], *hafizah* [penghafal Al-Quran bagi wanita] dan hafiz. Sebab apa abang Zain hantar *hafiz* [penghafal Al-Quran bagi lelaki] *tu* [itu] sebab *nak* [hendak] balas dendam (ketawa) sebab abang Zain tidak habis ya, anak wajib. Lepas *tu* [itu] *nak* [hendak] bidang apa *tu* [itu] *takpe* [tidak apa] ikut cenderung bidang masing-masing. Hak yang *tiga* [3] *tu* [itu] semua bahagian *Islamic Studies* [Pengajian Islam], yang akhir *tiga* [3] akhir *ni* [ini] Jannah ambil bahagian tadi Sains Bersekutu dan Rabiah ambil Ekonomi Islam di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] dan Muhammad yang akhir *ni* [ini] nampaknya dia kata *nak* [hendak] juga bahagian Syariah *nak* [hendak] *gi* [pergi] Jordan.

N : **Adakah abang Zain sudah mempunyai jangkaan untuk bersara dari kerjaya *ni* [ini]?**

DHMZ : *Kalu* [kalau] jawatan ada bersara nya, orang *tak* [tidak] terima kalau tua sangat (ketawa). Tapi kalau mengajar dia sampai sepanjang hayat. Belajar dan mengajar itu tidak ada *pencen* [bersara]. Ia nya sampai buaian sampai ke liang lahad. Mengajar pun sama apatah lagi dalam suasana sekarang ramai juga orang memerlukan misalnya disini kita orang *pencen* [bersara] yang *nak* [hendak]

betul baca *fatihah* [surah al-Fatihah] baru pun ada, *pah* [habis] siapa dia yang *nak* [hendak] bantu *dia orang* [mereka]. Jadi kita tidak ada pencen dari segi itu.

N : **Adakah abang Zain mempunyai perancangan untuk menceburi bidang lain selain kerjaya ini?**

DHMZ : Dengan umur *ni* [ini] rasanya kita teruskan disamping- - -abang Zain pencen awal selama *ni* [ini] berapa kali *pencen* [bersara] awal dah. Dengan *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], dengan Brunei, baru *ni* [ini] dengan *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] masuk pula. Tujuannya ialah di antara nya apabila sampai peringkat orang panggil umur Isyak *dah* [sudah] ke Maghrib umur abang zain *ni* [ini] perlu duduk melihat diri sendiri pula, kalau dulu sibuk kadang-kadang kita *nak* [hendak] buat ibadat secara formal pun sibuk. Buat tapi katakanlah *nak* [hendak] sembahyang Dhuha, ada mesyuarat_ _. Tapi kalau pencen awal sikit kita boleh lihat ada banyak lagi perkara yang kita apa *ni* [ini] kemaskinikan *nak* [hendak] balik *ni* [ini] lah *nak* [hendak] balik akhirat, *tak* [tidak] balik-balik lagi *ni* [ini] (ketawa). Jadi perlu fikir, dan disamping juga bagi sedikit sumbangan kita mampu sama ada macam sekarang *KIAS* [Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan] minta pergi sebab ada orang sakit, anak kampung kita pun sama dan alangkah baiknya jika mak *ana* [saya] sendiri suka sebab anak dia duduk di rumah dah *tak* [tidak] pergi kemana-mana dan anak-anak pun suka. Abang Zain balik baru *ni* [ini] tahun pertama abang Zain *Alhamdullilah* [segala puji hanya untuk Allah]_dapat

merumahtanggakan *tiga* [3] orang sekali gus dalam setahun akhirnya dapat cucu *tiga* [3] orang setahun jadi_ _. Itu adalah hikmat apabila kita berhenti awal.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

## BAHAGIAN 3 : SUMBANGAN DAN PENGHARGAAN

NN : **Bismillahhirrahmanirrahim. Assalammualaikum. Kita sambung pula ke bahagian sumbangan dan penghargaan abang Zain. *Okay* [baik], sebagai permulaan adakah abang zain pernah menghasilkan sebarang karya selama menceburi bidang ini?**

DHMZ : Abang Zain sejak di Brunei banyak kepada jawatan, mula-mula ketua jabatan bahasa arab di Universiti Brunei dan kemudian dilantik sebagai timbalan dekan di Universiti Islam Sultan Syariah Ali Brunei, mengajar disana, macam-macam hal, di masa untuk betul-betul *nak* [mahu] menulis *tu* [itu] banyak kepada majalah, sumbangan majalah, kertas kerja, buku ada, sekejap ye (bergerak untuk ambil buku) tercatat *dua* [2] buah buku di Mesir, tapi majalah banyak, *ni* [ini] penuh dengan majalah (sambil menunjuk kearah rak majalah. *ni* [ini] dicetak di Mesir ni (sambil menunjukkan buku tersebut) sejak balik *dua* [2] tahun sudah menghasilkan *dua* [2] buah buku tapi dalam proses pencetakan. Satu kemukjizatan bahasa dalam Al-Quran, abang Zain serahkan kepada dewan bahasa, mungkin kata mereka tidak lama lagi. Wallahhualam [dan Allah lebih mengetahuinya] dan agungnya kitab suci Al-Quran, ada kawan di Kuala Lumpur mari *nak* [mahu] amik skrip tu [itu] untuk dicetak.

NN : **Agak-agak jumlahnya berapa?**

DHMZ : Kalau majalah *tu* [itu] rasanya sumbangan dalam majalah *sepuluh* [10] dengan kertas kerja ada lah *dua puluh* [20], kalau buku dh siap tu *dua* [2], *empat* [4] la.

NN : **Adakah abang Zain pernah terlibat dalam majlis-majlis besar?**

DHMZ : Kalau di Brunei memang *gitu* [begitu] la, terutama abg Zain terlibat dengan istana sebab hadir majlis-majlis sebab mengajar anak dia kan dan mengendalikan seminar antarabangsa, seminar tempatan sebab sebagai timbalan dekan mesti begitulah dan juga *tak* [tidak] ingat la berapa kali di Brunei itu sebagai pengerusi seminar tempatan atau antarabangsa tentang pengajaran bahasa Arab dan sebagai ketua pengarang kepada beberapa majalah pengajaran bahasa Arab di Brunei.

NN : **Apakah kepakaran yang abang Zain miliki sekarang yang dapat membantu generasi muda-muda kini?**

DHMZ : Cara belajar bahasa Arab, sebagai seorang yang tidak arab *lagu mana* [bagaimana] caranya, cara belajar dan cara mengajar bahasa Arab tu [itu] yang kepakaran abag Zain la terutama spesifiknya dari segi Nahu sebab thesis abg Zain itu dia Nahu letak thesis abang Zain (bergerak) sebagai contoh, *ni*

[ini] *hok* [hak] yang abang Zain buat di *Mesir* [sebuah negara di Afrika Utara] dan yang *ni* [ini] buat di *Scotland* [sebuah negara yang sebahagian daripada United Kingdom] (sambil menunjukkan thesis tersebut).

NN : **Adakah abang Zain mempunyai kenangan-kenangan manis selama kerjaya abang Zain sekarang?**

DHMZ : Banyak lah, terutama sekali semasa kita ditugaskan berseminar di luar Negara, kadang-kadang kawan-kawan yang kita pernah belajar di Mesir di Scotland bertemu di Seminar, salah seorang daripadanya abang zain tidak termimpi untuk bertemu adalah seorang pelajar di *Kuwait* [sebuah negara di Jazirah Arab di Asia Barat Daya] tahun *satu* [1]. Lepas tu kita berpisah entah kemana, kemudian berjumpa pada satu seminar, dia jadi menteri kesihatan di *Yaman* [sebuah negara di Jazirah Arab di Asia Barat Daya]. Oh Allah, MasyaAllah apabila kita bertugas ditugaskan ke luar Negara, itu kenangan manis bertemu dengan kawan dan sebagainya.

NN : **Bolehkah abang Zain kongsikan rahsia kejayaan abang Zain sekarang?**

DHMZ : *Payah* [susah] jugak *tu* [itu] rahsia ye, biasa rahsia *tak* [tidak] boleh *bagitau* [beritahu] (gelak). Sama lah dengan orang lain bukan abang Zain ni [ini] orang yang berjaya *sorang* [seorang], orang lain *tak* [tidak], dan *enti* [awak]

pun sama dalam hidup banyak kejayaan dan apabila sebut kejayaan bagi abang Zain, nombor *satu* [1] sekali kita jangan mengaku kejayaan itu kita yang buat cuma kita yang usaha *saja* [sahaja], yang beri kejayaan itu ialah Allah Subhanahua ta'ala, itu rahsia *tu* [itu], rahsia *deh* [ye]. Jadi Allah bagi, rahsia yang keduanya ialah kita jangan lupa disana ada, arab kata Aidil Khotiyah, tangan yang *tak* [tidak] nampak disebalik kejayaaan kita, kedua ibu bapa kita sebab itu kalau ibu bapa masih ada bertuah la orang *tu* [itu] sebab doanya kepada anak amat diterima, sebab tu kalau de masalah jangan *telipun* [telefon] orang lain, telipun mama dulu,dengan abah dan *mama* [ibu] kena mama dulu sebab mama *ni* [ini] dia yang lahirkan kita, doa dia *tak sama* [tidak serupa] dengan abah tu betul la tu sebab Nabi pun kalau bab taat pada dua ni dia *tiga* [3] kali dia sebut taat *ibu mu* [ibu kamu] , ibu mu, ibu mu dan ketiganya carilah teman yang boleh mencetuskan apa ni yang melahirkan kehidupan bahagia kita iaitu kalau abang Zain, kak Zan,yang dia sentiasa satu saat abang Zain masa buat *PhD* [Doctor of Philosophy] tajuk bab yang terakhir tu payah sehingga kan " Allah" masa tu Nur Jannah baru dilahirkan apa kak Zan baru melahirkan anak nama Nur Jannah, susah kita PHD ni bukan senang kan, hampir *nak* [mahu] "balik la kita bukan *leh* [boleh] hidup semestinya dgn PhD" terasa juga begitu *tapi* [tetapi] kak Zan *berdiri* [bertegas], *Nabi* [pesuruh Allah yang terakhir] beritahu kepada kita dia [Nabi] kalau keluar berperang, kalau *dia* [Nabi] bincang-bincang dah *istiqomah* [berpendirian teguh] semua sekali *dah* [sudah] rasa yakin, *dia* [Nabi] cabut

pedang *dia* [Nabi], *dia* [Nabi] tidak akan sorong balik pedang itu kecuali sama ada *dia* [Nabi] *mati syahid* [Muslim yang maut ketika berperang atau berjuang di jalan Allah atau *dia* [Nabi] mendapat kemenangan, kata-kata itu menyebabkan abang Zain bangun *berdiri* [bersemangat] terus bererti rahsia kejayaan disamping kita sendiri *tu* [itu] kena ada sabar, kena ada wawasan yang begitu tinggi wawasan kita akhirat paling tinggi tu akhirat sebab nak bina akhirat, kemudian bergantung kepada Allah, ibu-bapa dan juga keluarga iaitu isteri, kalau dia buat masalah, kelam kabut juga kita

NN : **Adakah abang Zain pernah dijadikan sebagai idola atau rujukan kepada ahli-ahli ulama' yang lain?**

DHMZ : Abang Zain *tak de* [tiada] orang *tak payah* [tidak perlu] *wat* [buat] idola la abang Zain, abang Zain biase je la, kalau *de* [ada] pun abg Zain tak tahu [tidak tahu], mungkin *tak de* kot [tiada] orang *nak* [mahu] buat idola abang Zain.

NN : **Adakah abang Zain pernah terlibat dengan sebarang pencapaian dalam negara *ni* [ini]?**

DHMZ : *Tak dak* [tiada] sebab abang Zain banyak hidup di luar negara kan, di Brunei sampai habis *Master* [sarjana], *PhD* [Doctor of Philosophy], sebentar *je*

[sahaja] duduk di *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] kemudian terus di *Brunei* [sebuah negara kecil yang terletak di sebelah utara pulau Borneo]. Di Brunei la sebab dia memerlukan sumbangan dan sebagainya

NN : **Seperti mana yang abang Zain pernah cakap tadi banyak pencapaian di luar, boleh kongsikan sedikit apakah pencapaian abang Zain di luar sana, di luar negara?**

DHMZ : Misalnya abang Zain dilantik sebagai pakar, pakar bahasa Arab ade disitu, *itu* [itu] pun pencapaian sebenarnya mungkin tidak semudah kementerian pendidikan melantik sebagai sebuah_ _ _ tu nama negara la dan juga abang Zain dipilih sebagai tenaga pengajar kepada anak sultan, tu pun pencapaian, sebenarnya itu pun sejarah juga orang luar kan sepatutnya dan abang Zain dilantik sebagai timbalan dekan, kan kita orang luar sepatutnya diutamakan *anak watan* [warganegara] kan mungkin itu la kalau nak dikatakan sebagai pencapaian, bagi abang Zain itu apa *ni* [ini] kita kata sebagai anugerah tuhan la kepada kita.

NN : **Yang paling abang Zain rasa pencapaian yang paling terbesar yang pernah abang Zain berikan?**

DHMZ : Apabila abang Zain dilantik oleh kementeriaan sebagai pakar di Brunei atas

nama apa *ni* [ini] *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] pertubuhan antarabangsa, *tu* [itu] pencapaian yang sebenarnya orang datang ke pejabat_ _ _ sebab tiada orang lagi, satu pegawai daripada Iran datang melantik abang Zain melalui kementerian, *tu* [itu] satu benda yang walaupun orang *tak* [tidak] tahu la sebab kita *dok* [tinggal] luar tapi bagi disana satu penghargaan yang amat besar la

NN : **Adakah abang Zain pernah menerima sebarang penghargaan kat negara *ni* [ini]?**

DHMZ : *Tak de* [tiada], maksudnya anugerah *dato'* [gelaran kehormat] ke ape ke tak de.

NN : **Bagaimana pula di luar Negara?**

DHMZ : *Tak de* [tiada], perlu kepada terlibat_ _ _ *tapi* [tetapi] abang Zain bersyukur dengan bidang akademik abang Zain kita buat sekadar yang terbaik la bagi kedaifan kita *ni* [ini] maka bidang itu la kita tidak abaikan, kalau orang kata "awak ni, *okayla* [baikla] aku nak bagi pakar dalam bentuk antarabangsa *tu* [itu] UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] apa ni yang lantik" bagi abang Zain *Alhamdulillah* [mengucap syukur segala puji bagi Allah] sebagai seorang yang pernah jadi pesawah

syukur segala puji bagi Allah] sebagai seorang yang pernah jadi pesawah *dulu* [dahulu] (ketawa) dan *naik* [tiba-tiba] mengajar anak Sultan Brunei pula itu satu pencapaian, yang lain *tak de* [tiada] sebab *tu* [itu] sekadar yang kita mampu miliki la

NN : **Pernahkah abang Zain mendapat gelaran sebagai ulama'?**

DHMZ : *Tak* [tidak], abang Zain pun jangan dipanggil *ulama'* [pemimpin agama] (ketawa), ulama' *ni* [ini] cuma masuklah persatuan ulama', sebab de [ada] persatuan kita masuk kan *tapi* [tetapi] abang Zain rasa abang Zain bukan sebagai seorang ulama', cuma ada la nama dalam persatuan ulama' kan, katakanlah kalau kita masuk sebab nak jadi ulama' *ni* [ini], satu dengan *zuhudnya* [sikap yang menjauhi soal keduniaan] dengan waraknya ilmu yang begitu banyak kan

NN : **Tahun bila abang Zain mendapat gelaran *ni* [ini], maksudnya masuk nama dalam persatuan ulama'?**

